

SJK (C) PEI HWA
BAHASA MELAYU (PENULISAN) TAHUN 4
UJIAN MAC TAHUN 2014

Nama : _____ ()

Kelas : 4 ()

Markah : _____%

Tarikh : ____ / 3 / 2014

T/tangan Ibu bapa : _____

Kertas 2

Masa : 1 jam 15 minit

Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**. Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian. Bagi **Bahagian B**, kamu boleh memilih sama ada menjawab **Soalan 1**, **Soalan 2** atau **Soalan 3**.

Arahan:


Bahagian A dan **Bahagian B** mestilah dijawab dalam **kertas kajang** yang disediakan. Bagi **Bahagian C**, calon mesti menjawab pada kertas soalan.

Bahagian A

(Masa yang dicadangkan : 15 minit)

(10 markah)

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti gotong-royong di sebuah bilik darjah. Tulis **lima ayat** yang lengkap tentang aktiviti gotong-royong tersebut.



Bahagian B

(Masa yang dicadangkan : 40 minit)
(30 markah)

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 60 patah perkataan**.

1. Setiap orang pasti mempunyai ibu yang disayangi. Tulis sebuah karangan yang bertajuk "Ibu Saya"

Atau

2. Kamu menyertai sebuah program lawatan sambil belajar ke rumah anak yatim. Selaku peserta program tersebut, kamu dikehendaki menulis sebuah karangan yang bertajuk " Lawatan ke Rumah Anak-anak Yatim Kota Tinggi".

Atau

3. Pada Hari Ahad yang lalu, aku menyambut hari jadi yang ke-10. Aku berasa gembira sekali. Aku bangun pada awal....

Lengkapkan kesudahan cerita ini. Mulakan cerita kamu dengan "Aku bangun pada awal..."

Bahagian C

(Masa yang dicadangkan : 20 minit)
(20 markah)

Baca ayat yang diberi dengan teliti. Kemudian **tuliskan nilai murni** yang sesuai bagi ayat tersebut. **Jawapan mungkin berulang. Tulis jawapan pada kertas soalan.**

1. Mohan membaca buku teks Bahasa Malaysia sementara menunggu bas tiba.
Nilai Murni: _____
2. Khai Chun dan kawan-kawannya mengadakan aktiviti mengemas dan membersihkan sekolah.
Nilai Murni: _____
3. Setiap hari, Azwin akan mandi dan menggosok giginya sebelum ke sekolah.
Nilai Murni: _____
4. Aznan dan Azlin membantu ibu dan ayah menjaga kesihatan adik mereka.
Nilai Murni: _____
5. Ai Ling bangun awal pagi untuk mengulang kaji pelajarannya sempena peperiksaan yang akan datang.
Nilai Murni: _____
6. Encik Daud mendaftarkan kelahiran Azwin di Pejabat Pendaftaran.
Nilai Murni: _____
7. Ratna dan rakan-rakannya mengadakan lawatan ke Rumah Kanak-kanak Seri Intan.
Nilai Murni: _____
8. Siew Min menyampaikan pesanan yang betul daripada Cikgu Kamal.
Nilai Murni: _____
9. Herina mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengurus Sekolah kerana menyumbangkan komputer kepada SJK(C) Taman Melati.
Nilai Murni: _____
10. Encik Lim memberhentikan keretanya apabila lampu isyarat berwarna merah.
Nilai Murni: _____

Disediakan oleh : Puan Rahimah binti Mohamad Khatib
Disemak oleh : Chiau Boon Wei